

KDN ambil tindakan tegas pihak fitnah PM sokong Israel

Bandar Baharu: Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana pihak yang terus memfitnah Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai menyokong Israel.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata Perdana Menteri secara jelas, termasuk di pentas antarabangsa mengecam dan menentang kekejaman dilakukan Israel sejak mula memimpin negara ini.

Katanya, perbuatan memfitnah itu dilakukan hanya atas sebab politik sedangkan dasar kerajaan jelas mengkritik Israel dan rejim zionis yang berterusan menyerang rakyat Palestin.

“Hendak sebut Perdana Menteri sokong Israel masuk akal atau tidak? Beliau pemimpin Muslim. Pendirian beliau sejak dua tahun di semua pentas antarabangsa dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sangat jelas.

“PM jumpa semua pemimpin dunia yang dilihat condong kepada Israel secara bersemuka seperti Canselor Jerman (Olaf Scholz) dan PM berikan penegeasan menolak sama sekali tindakan Israel.

“Kita mengecam tindakan

membunuh wanita dan kanak-kanak, bom sekolah serta hospital. Kemudian Israel sekat peranan pertubuhan antarabangsa dari segi misi menyelamatkan,” katanya selepas Majlis Peluncuran Kempen Antidadah Peringkat Kebangsaan di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek dan Ketua Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Datuk Ruslin Jusoh.

Saifuddin menyatakan kekesalannya apabila pendirian Anwar yang jelas menentang Israel masih lagi dipertikai, sedangkan kerajaan sudah menjelaskannya berulang kali.

“Pendirian Perdana Menteri sangat jelas, terang, namun masih ada lagi main sebut bahawa Anwar sokong Israel, iktiraf Israel. Sebab itu Perdana Menteri kata berpolitik biar ada sempadan. Takkan tak boleh buat penilaian langsung bab itu hanya untuk dapat keuntungan politik.

“Saya percaya rakyat terbanyak mengikuti perkara ini dan rakyat tahu buat penilaian, sebab itu kita minta hentikan. Tetapi kalau berlebihan tentulah pendekatan penguatkuasaan kita ambil,” katanya.